

570:
PMUM 2'2'2'

1974

KUALA LUMPUR, 21 SEPT (BERNAMA) -- PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENGAMBILALIH KUASA PIHAK PENTADBIR UNIVERSITI TERSEBUT SEHINGGA TUNTUTAN MEREKA DIPERSETUJUI.

KEPUTUSAN TERSEBUT DICAPAI DALAM SATU MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA PENUNTUT SERAMAI 35 ORANG ANGGOTA SELAMA LEBIH TIGA JAM DI COURT ROOM UNIVERSITI MALAYA PETANG INI.

SEMENTARA ITU, MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MERAYU KEPADA PARA PELAJAR SUPAYA MEMBENARKAN UNIVERSITI ITU BERJALAN SEPERTI BIASA.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA SELEPAS MENEMUI PEMANGKU NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA, PROF. AHMAD IBRAHIM DI SINI BAHAWA BELIAU MEMERHATIKAN KEADAAN DI UNIVERSITI ITU
BERNAMA DARI -- BERSAMBUNG 1804/A1

571:
PMUM 2 KUALA LUMPUR 2'2'2'

MENURUT DR. MAHATHIR, BELIAU TELAH MEMBATALKAN LAWATAN RASMINYA SELAMA DUA HARI KE ALOR STAR YANG DIJADUALKAN BERMULA ESOK.

SEORANG JURUCAKAP JAWATANKUASA ITU MEMBERITAHU BAHAWA KEPUTUSAN MENGAMBILALIH KUASA DI UNIVERSITI TERSEBUT BERKUATKUASA MULAI PUKUL 5 PETANG INI IAITU SEBAIK-BAIK SAHAJA MESYUARAT ITU SELESAI.

+KAMI AKAN TERUS MENGAMBILALIH KUASA DALAM KAMPUS TERMASUK PENTADBIRANNYA SEKALI SEHINGGA TUNTUTAN PMUM DILAKSANAKAN OLEH PIHAK BERKUASA,+ TEGAS BELIAU.

PMUM ANTARA LAIN MENUNTUT SUPAYA BEBERAPA ORANG PELAJAR UNIVERSITI MALAYA YANG DITANGKAP SEMASA MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN DI JALAN TRAVERS DI SINI PAGI TADI DIBEBASKAN.

MEREKA JUGA MAHU PIHAK POLIS JOHOR MEMBEBASKAN TANPA SYARAT PRESIDEN PMUM, HISHAMUDDIN RAIS DAN SEORANG MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA, MOHAMED YUNUS ALI YANG DITAHAN DI JOHOR BAHRU SEJAK KHAMIS LALU. -- BERSAMBUNG 1813/A1

572:
PMUM 3 KUALA LUMPUR 2'2'2'

PAGI TADI, BERATUS ORANG PELAJAR TELAH MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN DI FEDERAL HIGHWAY KERANA MEMBANTAH PENANGKAPAN KEATAS DUA ORANG MAHASISWA UNIVERSITI ITU DAN TIGA ORANG YANG LAIN OLEH POLIS JOHOR KHAMIS LALU.

MEREKA TELAH BERKUMPUL DI SEPANJANG JALAN TERSEBUT MENYEBABKAN LALU-LINTAS TERGENDALA SELAMA BEBERAPA JAM.

ANGGOTA-ANGGOTA POLIS SIMPANAN PERSEKUTUAN TELAH MELEPASKAN GAS-GAS PEMEDIH MATA KE ARAH PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT UNTUK MENYURAIKAN MEREKA.

SEORANG JURUCAKAP POLIS KETIKA MENGESAHKAN INI BERKATA, BAGAIMANAPUN TIDAK SEORANG PUN YANG MENDAPAT CEDERA ATAUPUN DITAHAN DALAM KEJADIAN ITU.

PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT KEMUDIAN TELAH BERSURAI DAN BALIK KE KAMPUS. BAGAIMANAPUN, JALAN MASUK KE JALAN PANTAI TELAH DITUTUP KEPADA SEMUA LALU LINTAS OLEH POLIS.

PELAJAR-PELAJAR ITU JUGA TELAH TIDAK MEMBENARKAN SEBARANG KENDERAAN ATAU SESIAPA SAHAJA DARI MASUK KE KAWASAN KAMPUS ITU.
-- BERNAMA 1828/A1